

Akademika 86(1) 2016:43-53

<http://dx.doi.org/10.17576/akad-2016-8601-05>

Pola Dorongan Sosial dan Niat Menderma Darah dalam Kalangan Penderma Darah

Patterns of Social Support and the Intention to Donate Blood among Blood Donors

JULIANA ROSMIDAH JAAFAR, SHEAU TSUEY CHONG, ASMAWATI DESA,
KHADIJAH ALAVI & WOUI SEONG KAM

ABSTRAK

Pemupukan niat menderma darah yang konsisten penting untuk penglibatan yang berterusan dalam aktiviti ini. Motivasi untuk menggalakkan niat berterusan untuk menderma darah lahir daripada faktor psikologi seperti sikap positif, keyakinan diri dan persepsi tekanan sosial. Namun begitu, seseorang penderma darah tidak boleh bergantung semata-mata terhadap faktor psikologikal kerana aspek ini boleh berubah mengikut penilaian seseorang berdasarkan frekuensi kekerapan pendermaan darah. Oleh itu, diandaikan bahawa penderma darah memerlukan dorongan daripada jaringan sosial sebagai agen untuk mengukuhkan konsistensi niat menderma darah. Makalah ini bertujuan meneroka pola dorongan jaringan sosial terhadap konsistensi niat menderma darah dalam kalangan kumpulan Penderma Darah Awalan (PDA) dan Penderma Darah Mapan (PDM). Data kajian diperolehi melalui sebelas sesi temubual separa struktur terhadap 20 orang penderma darah yang dipilih secara persampelan bertujuan di Pusat Darah Negara (PDN), Kuala Lumpur. Data dianalisis secara bertema. Hasil kajian mendapati bahawa semua informan mempunyai konsistensi niat menderma darah. Kajian ini turut mendapati bahawa wujud pola dorongan sosial yang berbeza antara PDA dan PDM. PDA menunjukkan pola dorongan sosial berbentuk dwi-hala antara mereka dan jaringan sosial. Manakala PDM melaporkan pola secara sehalu-eksternal, iaitu dorongan PDM kepada pihak luar. Dapatan kajian memberi implikasi kepada pihak pengurusan bekalan darah untuk mempertimbangkan kepentingan peranan dorongan sosial terhadap pengekalan niat menderma darah. Kajian akan datang perlu mengkaji dengan lebih mendalam mengenai mekanisma untuk mengukuhkan pola dorongan sosial dalam kalangan penderma darah.

Kata kunci: Penderma darah; pola dorongan; jaringan sosial; konsistensi niat; pendermaan darah

ABSTRACT

The cultivation of a consistent intention to donate blood is important in sustaining donation levels. Motivation to donate emanates from complex psychological factors such as a positive attitude, self-confidence and perceived social pressure. However, these psychological factors are changeable, thus impacting on the frequency of blood donations. Therefore, it is assumed that donors need enhanced support, including from social networks as an agent of pressure, in developing a consistent attitude toward donation. This article aims to explore patterns of social support that may enhance more consistency in donating blood amongst Novice Blood Donors (NBDs) and Regular Blood Donors (RBDs). Data were collected through eleven sets of semi-structured interviews from 20 blood donors, selected through purposive sampling from the National Blood Centre, Kuala Lumpur. Data were analyzed thematically. The study found that all informants were consistent in their intention to donate blood. The study found however that there are different patterns of social support affecting NBDs and RBDs. NBDs exhibit interdependent relationships of social support in their networks, whereas the RBDs report one-way-external social support; that is from RBDs to other people. These findings have implications for the management of blood supply and suggest that the role of social support in maintaining intentions to donate blood should be considered in future. Further research should examine in more detail mechanisms to strengthen patterns of social support among blood donors.

Keywords: Blood donor; patterns of support; social network; intention consistency; blood donation

PENDAHULUAN

Bagi mengekalkan keinginan untuk menderma darah, adalah penting bagi seseorang penderma darah mendapat pemupukan niat menderma darah yang berterusan. Teori Tingkahlaku Terancang (TTT) atau *Theory of Planned Behavior* yang dipelopori oleh Ajzen (1991) telah mencadangkan bahawa niat berupaya menggerakkan tindakan seseorang untuk melakukan sesuatu yang diinginkan. Dalam erti kata lain, semakin kuat niat untuk melakukan sesuatu tindakan, maka semakin besar kebarangkalian bahawa tingkahlaku berkenaan dilakukan. Teori ini telah mengenalpasti tiga faktor utama yang menyumbang kepada pembentukan niat iaitu sikap, tanggapan terhadap kawalan tingkahlaku dan norma subjektif. Teori ini merumuskan bahawa semakin positif sikap seseorang terhadap tingkahlaku, semakin kuat tanggapan terhadap kawalan keinginan dan tekanan dalam norma subjektif, maka semakin kuat niat yang ada dalam diri seseorang untuk melakukan sesuatu tindakan.

Namun begitu, tumpuan terhadap aspek psikologikal semata-mata sebagai mekanisme pemupukan niat dalam diri penderma darah adalah tidak mencukupi untuk memastikan keinginan berkenaan kekal dalam pemikiran penderma darah. Ini adalah kerana kajian-kajian lalu mendapati bahawa sumbangan faktor psikologi adalah tidak konsisten terhadap niat menderma darah (Armitage & Conner 2001; Conner & Sparks 2005; Godin et al. 2007; Lemmens et al. 2005; Lemmens et al. 2001). Dapatan yang tidak konsisten ini mencadangkan bahawa faktor psikologi mungkin bukan merupakan peramal terbaik untuk mengekalkan konsistensi niat menderma darah. Maka beberapa pengkaji lain telah mencadangkan agar pola dorongan sosial penderma darah dikaji bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh (Pedersen et al. 2015; Smith et al. 2013). Melalui dorongan sosial, interaksi antara individu dalam jaringan sosial yang merupakan dorongan sosial berupaya mengukuhkan aspek-aspek psikologi melalui persamaan pendapat serta perkongsian nilai dan idea terhadap tindakan menderma darah. Dalam erti kata lain, dorongan sosial dalam jaringan penderma darah dapat membantu sukarelawan ini mengekalkan aspek psikologi seperti sikap positif terhadap tindakan berkenaan.

Dalam konteks pengekalatan niat dan tindakan menderma darah, pengkaji menjangkakan bahawa faktor dorongan sosial adalah penting untuk membolehkan seseorang penderma darah konsisten dalam aktiviti ini. Ini adalah kerana melalui dorongan yang diterima daripada jaringan sosial, penderma darah dapat mengekalkan motivasi terhadap aktiviti menderma darah melalui pengukuhan nilai bahawa tindakan menderma darah adalah perkara yang betul untuk dilakukan kepada masyarakat. Justeru itu, dorongan sosial dapat dianggap sebagai elemen penting yang perlu ada pada seseorang

penderma untuk terus kekal dengan tindakan menderma darah. Tambahan, hasil kajian-kajian lalu melaporkan bahawa penderma darah turut mengenali penderma darah lain dalam pelbagai konteks jaringan sosial, seperti keluarga, rakan, jiran mahupun di tempat kerja (Glynn et al. 2002; Royse 1999). Jenis dorongan sosial juga memainkan peranan kepada motivasi penderma darah. Veldhuizen (2010) telah mencadangkan bahawa salah satu kaedah untuk mengekalkan penderma darah dalam aktiviti ini adalah melalui sokongan emosi daripada pihak pengurusan bekalan darah. Ini adalah kerana penderma darah mengaitkan sokongan emosi yang diterima dengan rasa penghargaan atas sumbangan darah yang telah diberikan. Dalam temubual Smith et al. (2011) bersama penderma darah, mereka mendapati bahawa dorongan sosial melalui hubungan rapat antara ahli-ahli dalam komuniti boleh membawa kepada pengekalatan tindakan menderma darah. Dorongan sosial bukan sahaja terhad dalam individu dalam jaringan sosial, tetapi juga terhadap institusi yang menguruskan bekalan darah. Dalam erti kata lain, kajian Smith et al. (2011) mendapati bahawa jenis dorongan sosial dalam jaringan sosial mempunyai peranan kepada penderma darah, merangkumi sesama individu serta pihak pengurusan bekalan darah. Manakala peranan pola dorongan sosial telah dilaporkan dalam beberapa kajian berkaitan kesejahteraan diri individu (Mancini et al. 2015; Zhang & Yang 2015). Maka, dalam kajian ini, pola dorongan sosial diperluaskan dalam skop kesukarelawan penderma darah.

Selain daripada jenis dan pola dorongan sosial sebagai faktor terhadap niat menderma darah, aspek frekuensi pendermaan darah yang dilakukan oleh seseorang perlu diambil kira. Ertinya, dorongan untuk memotivasikan penderma darah kekal dalam aktiviti menderma darah perlu mempertimbangkan faktor bilangan pendermaan yang pernah dilakukan oleh seseorang. Masser et al. (2008) berpandangan bahawa motivasi menderma darah adalah berbeza bagi penderma darah yang berlainan frekuensi pendermaan. Ini adalah kerana motivasi untuk mengekalkan penglibatan dalam aktiviti pendermaan darah berbeza mengikut fasa penglibatan penderma darah (*donors' career*). Justeru itu berdasarkan justifikasi kajian-kajian lalu, maka pengkaji berpendapat bahawa adalah penting untuk meneliti pola dorongan sosial yang membawa kepada konsistensi niat menderma darah ke atas kumpulan penderma darah dengan frekuensi pendermaan darah yang berlainan.

METOD KAJIAN

Kajian eksploratori ini dijalankan untuk mengenalpasti pola dorongan dalam jaringan sosial terhadap pengekalatan niat menderma darah bagi penderma darah tempatan. Kajian ini merupakan sebahagian daripada kajian utama berkaitan faktor motivasi psikologikal dan jaringan

sosial terhadap niat menderma darah. Kaedah temubual mendalam telah dijalankan ke atas 20 orang penderma darah tempatan. Informan kajian telah diperolehi melalui persampelan bertujuan ke atas penderma darah yang menderma di Pusat Darah Negara (PDN), Kuala Lumpur. Informan telah dijemput untuk menyertai kajian ini. Penderma darah yang berminat untuk menyertai kajian ini telah mengisi borang maklumat diri penderma darah yang mengandungi bilangan pendermaan darah dalam tempoh 2010 hingga 2012. Informan yang memenuhi kriteria kajian iaitu i) bukan penderma darah pertama kali dan ii) bukan penderma darah bersela iaitu mereka yang tidak menderma dalam tempoh 2010 hingga 2012 telah dihubungi untuk dijadikan informan kajian. Dua puluh orang penderma darah telah menyatakan persetujuan untuk terlibat sebagai informan (sebelas Melayu, enam Cina dan tiga India). Informan kajian berusia dalam lingkungan 21 hingga 59 tahun semasa kajian ini dijalankan (empat belas informan lelaki dan enam informan perempuan). Jadual 1 merupakan ringkasan maklumat Informan kajian. Pengkaji menggunakan saranan daripada Veldhuizen et al. (2009) yang mengesyorkan frekuensi bilangan pendermaan seumur hidup sebagai penanda aras antara kumpulan penderma darah. Kumpulan dibezakan kepada dua kategori iaitu,

Penderma Darah Awalan (PDA : < 30 kali pendermaan darah seumur hidup) dan Penderma Darah Mapan (PDM : \geq 30 kali pendermaan darah seumur hidup). Penanda aras frekuensi bilangan 30 kali pendermaan seumur hidup telah dilaporkan secara empirikal mempunyai perbezaan karektor diri penderma (Veldhuizen et al. 2009).

Sebanyak sebelas sesi temubual secara berasingan telah dijalankan dalam tempoh tiga bulan (Julai hingga September 2012). Kebanyakan sesi temubual dijalankan di PDN, selain daripada di lokasi-lokasi yang bersesuaian dengan permintaan Informan (restoran makanan segera, rumah Informan atau kompleks membeli-belah). Setiap sesi temubual berlangsung dalam tempoh 35 minit hingga 2 jam. Topik dalam temubual separa-struktur dibina berdasarkan kajian-kajian lalu sebagai panduan (France et al. 2007; Godin et al. 2007; Lemmens et al. 2009; Masser et al. 2008). Topik-topik berkenaan merangkumi faktor-faktor motivasi informan terhadap niat dan tindakan mereka menderma darah seperti sikap, norma subjektif, efikasi diri, identiti penderma darah, tabiat menderma darah dan motivasi umum. Maklumat temubual telah dianalisis secara bertema. Bagi kesahan data, pengkaji telah menggunakan kaedah iaitu semakan silang peserta kajian, refleksi pengkaji dan jejak audit.

JADUAL 1. Profil Informan Kajian

Informan	Umur	Jantina	Status	Etnik	Bilangan pendermaan keseluruhan	Kategori Informan
Informan A	32	Lelaki	Bujang	Melayu	19	PDA
Informan B	25	Perempuan	Bujang	Melayu	16	PDA
Informan C	19	Perempuan	Bujang	Melayu	12	PDA
Informan D	45	Perempuan	Berkahwin	Cina	20	PDA
Informan E	43	Perempuan	Berkahwin	Cina	23	PDA
Informan F	23	Lelaki	Bujang	Melayu	6	PDA
Informan G	43	Lelaki	Berkahwin	Cina	19	PDA
Informan H	26	Lelaki	Berkahwin	Melayu	8	PDA
Informan I	52	Lelaki	Berkahwin	Melayu	15	PDA
Informan J	31	Lelaki	Berkahwin	Melayu	30	PDM
Informan K	31	Lelaki	Berkahwin	Melayu	19	PDA
Informan L	29	Perempuan	Bujang	Melayu	19	PDA
Informan M	38	Perempuan	Bujang	Melayu	19	PDA
Informan N	33	Lelaki	Bujang	Cina	27	PDA
Informan O	40	Lelaki	Berkahwin	Melayu	40	PDM
Informan P	51	Lelaki	Berkahwin	Cina	6	PDA
Informan Q	24	Lelaki	Bujang	Cina	9	PDA
Informan R	59	Lelaki	Berkahwin	India	66	PDM
Informan S	59	Lelaki	Berkahwin	India	30	PDM
Informan T	45	Lelaki	Berkahwin	India	16	PDA

PDA: Penderma Darah Awalan

PDM: Penderma Darah Mapan

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian meliputi perbincangan temubual bersama PDA dan PDM bagi meneroka perspektif niat dan pola serta jenis dorongan sosial yang diterima oleh kedua-dua kumpulan ini.

PERSPEKTIF TERHADAP NIAT MENDERMA DARAH DALAM KALANGAN PDA DAN PDM

Berdasarkan temubual, didapati bahawa wujud tiga tema, iaitu jangkaan-diri, usaha perancangan dan keinginan (*desire*) yang berkaitan niat untuk menderma darah dalam kalangan informan kajian. Niat digambarkan sebagai jangkaan-diri terhadap sesuatu tindakan (Armitage & Conner 2001). Dalam erti kata lain, niat merupakan gambaran terhadap tindakan yang ingin dilakukan oleh seseorang pada masa hadapan. Dalam kajian ini, jangkaan diri penderma darah terhadap aktiviti menderma darah digambarkan dengan tindakan mereka yang berkaitan dengan sela masa untuk menderma darah.

Saya buat senang, bulan tiga, enam, sembilan and dua belas. (Saya tetapkan) bulan tu lah. Setahun mesti empat kali.

(Informan N)

Saya akan di PDN lagi tiga bulan untuk derma darah.

(Informan C)

Selain daripada jangkaan-diri yang bersifat spesifik, niat turut melibatkan aspek usaha dalam melaksanakan perancangan terhadap sesuatu tindakan (Ajzen 1991). Ini bermakna niat bukan sahaja melibatkan aspek jangkaan diri, namun ia turut meliputi usaha untuk melaksanakan sesuatu tindakan yang diinginkan. Dalam kajian ini, Informan O yang merupakan PDM didapati membuat pelarasan terhadap jadual kerja untuk membolehkan beliau menderma darah dalam masa yang telah dijangka. Perkara yang sama turut dilakukan oleh Informan E, Informan B dan Informan G. Misalnya bagi Informan O;

Untuk derma darah akan datang, saya akan cari masa. Kalau hari kerja, kadang barang sampai lambat sikit, 10, 12, jadi datang pukul lapan...lepas tu masuk kerja terus.

(Informan O)

Manakala bagi Informan S menjelaskan bahawa niat untuk menderma darah adalah berkaitan dengan cara beliau yang tidak berkongsi dengan ahli keluarganya mengenai aktiviti menderma darah. Informan S melaporkan bahawa beliau tidak menerima sokongan ahli keluarga, maka membolehkan beliau memilih untuk tidak berkongsi menderma darah.

Jangan bagitahu isteri. Senang saja. Jangan bagitahu. Diam-diam saja. Pergi keluar, kata ada kerja.. lepas tu selesaikan... balik, bila tengok tangan ada plaster, aa.. dah tahu lah yang

saya pergi derma darah dah. Masa tu tak boleh kata apa dah. Sebab saya dah selesai menderma darah pun.

(Informan S)

Tema terakhir dalam aspek niat adalah aspek keinginan (*desire*). Ia setara dengan pendapat oleh Gollwitzer et al. (1990) yang menyatakan bahawa niat adalah keinginan atau kehendak yang merujuk kepada apa yang diinginkan oleh seseorang. Namun, dalam kajian ini aspek kehendak penderma darah untuk menderma darah juga dinyatakan melalui perkataan seperti "cuba" "kalau boleh" mahupun "kadang-kadang". Penggunaan perkataan-perkataan ini tidak menunjukkan perancangan mahupun strategi khusus untuk mencapai matlamat yang dikehendaki oleh informan. Penggunaan perkataan-perkataan ini juga tidak terhad kepada kumpulan informan kajian, sama ada mereka merupakan PDA atau PDM (Informan D, Informan F, Informan G mahupun Informan J). Ertinya, kedua-dua kumpulan penderma darah yang berbeza frekuensi pendermaan turut mempamerkan keyakinan yang samar (tidak jelas) terhadap aktiviti menderma darah;

Kalau boleh ke, dalam seumur hidup saya, saya teringin nak buat sekurang-kurangnya 60 kali.

(Informan D)

Benda ni, derma ni saya buat macam setahun kadang-kadang dua kali, kadang-kadang tiga kali. Tak ada perancangan. Cuma kalau darah saya dah cukup matang dalam dua bulan, tiga bulan, saya akan menderma lah.

(Informan J)

Maka, dalam kajian ini, perspektif terhadap niat menderma darah dalam kalangan Informan kajian mencakupi tiga aspek utama iaitu jangkaan-diri, usaha perancangan dan keinginan untuk menderma darah.

POLA DORONGAN SOSIAL PENDERMA DARAH

Dalam kajian ini, didapati bahawa dorongan untuk informan menderma darah wujud samada dalam bentuk kata-kata galakan, pemberitahuan, peringatan untuk menderma, menasihati, membawa seseorang ke tempat untuk menderma darah mahupun dorongan tidak langsung. Pola dorongan antara informan dan individu lain adalah berbeza mengikut kategori penderma darah dalam kajian ini. Melalui temubual ini, terdapat tiga tema berkaitan pola dorongan sosial yang dilaporkan oleh informan kajian iaitu dwi-hala, sehala-internal dan sehala-eksternal. Setiap pola akan dibincangkan berdasarkan kategori penderma darah.

POLA DORONGAN SOSIAL PENDERMA DARAH AWALAN (PDA)

Tema Pola Dorongan Sosial Dwi-Hala Jadual 2 di bawah menggambarkan pola dorongan dwi-hala yang

diterima oleh PDA dengan individu lain dalam jaringan sosial mereka. Dorongan dwi-hala yang dilaporkan oleh informan merupakan proses saling memberi ingatan, galakan mahupun pergi bersama-sama dan keadaan ini masih berterusan semasa temubual ini dijalankan. Dalam

jadual berkenaan, didapati bahawa pola dorongan dwi-hala yang berlaku dalam jaringan sosial penderma darah PDA kajian ini lebih menjurus dalam konteks hubungan rakan dan ahli keluarga penderma darah, berbanding individu bukan penderma darah.

JADUAL 2. Jenis dan Pola Dorongan Dwi-Hala PDA dan Individu dalam Jaringan Sosial

Informan	Jenis Dorongan		
	Memberi ingatan (lisan) untuk menderma darah.	Memberi galakan (lisan, media sosial atau sms) untuk menderma darah.	Pergi bersama menderma darah.
Pola: Informan dan keluarga saling mendorong			
Informan P	√ ¹	-	√ ¹
Informan Q	√ ¹	-	√ ¹
Informan E	-	-	√ ¹
Informan G	√ ¹	-	√ ¹
Informan K	√ ¹	-	√ ²
Pola: Informan dan rakan saling mendorong			
Informan H	√ ¹	√ ¹	√ ¹
Informan I	√ ¹	√ ¹	√ ¹
Informan F	√ ¹	√ ¹	-
Informan L	√ ¹	√ ¹	√ ¹
Informan M	√ ¹	√ ¹	√ ¹

Nota:

1 = Penderma darah

2 = Bukan penderma darah

3 = Umum (Informan tidak menyatakan individu berkenaan penderma darah atau tidak)

4 = Pernah menjadi penderma darah

Dalam kajian terdahulu, jaringan sosial dilaporkan dapat memperkukuhkan aspek dalaman inividu (Redzuan et al. 2012). Perkara yang sama turut berlaku dalam konteks pendermaan darah di mana jaringan sosial mempunyai peranan yang penting bagi mengekalkan penglibatan dalam aktiviti ini (Glynn et al. 2002). Dalam kajian ini, temubual bersama PDA mendapati bahawa tindakan saling mendorong antara rakan penderma darah (dorongan dua hala) berupaya mengekalkan keinginan seseorang untuk terus menderma darah. Bagi Informan I dan Informan H yang sama-sama merupakan penderma darah dan rakan sepejabat, dorongan untuk menderma darah bersama-sama adalah lebih mudah dilakukan memandangkan mereka berada dalam satu lokasi tempat kerja yang sama. Dorongan sosial ini mengukuhkan pandangan informan bahawa pendermaan darah adalah mudah untuk dilakukan.

Sampai masa dia, Informan H akan cakap pada saya “bang, masa dah cukup nak derma lagi ni”. Lain daripada tu, dia akan sms la tentang nak menderma darah sama-sama ni. Jadinya, kami akan pergi sama-sama la untuk derma darah. Saya pun macam *tu jugak* pada dia. Kira kami ni sama-sama la ingatkan. Lagi mudah sebab sama-sama, kan.

(Informan I)

Manakala bagi Informan L dan Informan M, walaupun terdapat perbezaan status perkahwinan, tempat kerja dan kawasan perumahan, namun usaha saling mengingatkan waktu untuk menderma darah berjaya mengekalkan niat mereka untuk terus menderma darah. Bagi Informan M, sebagai individu yang bekerja dan berhadapan dengan kekangan masa, namun dengan mempunyai rakan rapat sebagai penderma darah, maka tindakan tersebut boleh diteruskan. Dorongan Informan L turut meliputi rakan-rakan penderma darah lain dalam jaringan yang lebih luas (seperti rakan semasa di universiti)

(Bagus lah), ada kawan yang ingatkan kita...Kadangkang kita sibuk kerja, ada juga masa yang terlupa nak pergi menderma darah ni. (Jadi, bagus) bila ada kawan yang ingatkan. Informan L ingatkan saya, dan saya juga ada ingatkan dia untuk pergi menderma darah bila agak-agak dah sampai masa.

(Informan M)

Manakala bagi Informan F pula, beliau mempersepsikan tindakan saling mendorong ini bukan sahaja disebabkan oleh faktor minat, tetapi juga disebabkan oleh individu dalam jaringan sosial mempunyai nilai kesedaran yang sama terhadap aktiviti menderma darah.

Lagi satu saya ada galakan daripada kawan-kawan. Macam kita adalah, macam kumpulan yang lebih kepada kalau jumpa, mesti tanya “dah derma darah ke belum?”, “Jom” orang kata ada kesedaran yang sama la tentang faedah bekalan darah. Itu la antara saya dengan kawan-kawan yang terlibat dalam aktiviti ni. (Informan C)

Sementara itu, bagi pasangan suami isteri, Informan G dan Informan E, dorongan dwi-hala yang berlaku dalam konteks hubungan mereka sebagai suami isteri turut memainkan peranan untuk mengekalkan niat menderma darah, seperti saling mengingatkan tarikh pendermaan dan berkongsi pengalaman. Semasa perbualan berkenaan, pengkaji mendapati bahawa Informan G mengangguk kepalanya sekali sekala sebagai tanda bersetuju dengan pendapat Informan E.

Penerimaan dorongan untuk menderma darah bukan sahaja berlaku dalam kalangan jaringan sosial rakan penderma darah. Jadual 4 di bawah menunjukkan pola dorongan sehalu yang berlaku dalam jaringan sosial PDA. Pola dorongan sehalu ini berlaku sama ada daripada pihak Informan kepada individu luar, atau sebaliknya.

Tema Pola Dorongan Sosial Sehalu-Internal

Seterusnya, dapatan temubual ini turut mendapati bahawa pola dorongan sosial dalam kalangan PDA dilaporkan dalam konteks sehalu-internal. Pola ini merupakan dorongan daripada pihak luar, sama ada ahli keluarga, rakan mahupun orang luar kepada informan. Jadual 3 merupakan ringkasan maklumat berkaitan jenis dorongan sehalu-internal yang dilaporkan oleh PDA.

JADUAL 3. Jenis dan Pola Dorongan Sehalu-Internal PDA

Informan	Jenis Dorongan				
	Memberi ingatan (lisan) untuk menderma darah.	Memberi galakan atau maklumat iklan (lisan, media sosial atau sms) menderma darah.	Menemani menderma darah.	Bawa pergi menderma darah	Dorongan tidak langsung
Pola: Daripada Individu Lain kepada Informan (sehalu-internal)					
Informan K	√ (isteri) ²	√ (abang) ¹	√ (isteri) ²	-	-
Informan G	√ (isteri) ¹	-	-	-	-
Informan F	-	√ (kakak) ¹	√ (rakan) ¹	-	√ (dorongan pekerjaan)
Informan N	-	√ (rakan) ³	√	-	-
Informan T	-	√ (abang ipar) ¹	√ (isteri) ⁴	-	-
Informan A	-	-	-	-	√ (dorongan pekerjaan)
Informan E	-	-	-	-	√ (Individu umum) ¹

Nota:

1 = Penderma darah

2 = Bukan penderma darah

3 = Umum (Informan tidak menyatakan individu berkenaan penderma darah atau tidak)

4 = Pernah menjadi penderma darah

Dalam kajian ini, kebanyakan daripada pendorong dalam kumpulan PDA merupakan ahli keluarga. Melalui Jadual 3, turut didapati bahawa dorongan yang diterima datang daripada keluarga asas (isteri, abang mahupun kakak). Bagi Informan K dan Informan F, dorongan secara lisan daripada adik-beradik yang juga merupakan penderma darah adalah satu bentuk galakan untuk terus mengekalkan tindakan menderma darah.

Walaupun terdapat informan yang mempunyai ahli keluarga bukan penderma darah, namun PDA mempersepsikan bahawa ahli keluarga berkenaan turut memberikan dorongan dalam cara tersendiri. Bagi Informan T, beliau tidak menerima tegahan daripada ahli keluarga lain terhadap penglibatan dalam aktiviti ini, malahan turut ditemani oleh isterinya semasa menderma darah. Bagi Informan K pula, beliau berpendapat bahawa penglibatan adik-beradik yang lain dalam aktiviti ini memberikan dorongan tidak langsung kepadanya untuk meneruskan aktiviti ini, begitu juga dengan isteri beliau.

Isteri saya *oklah*.. dia tak tegah..tak larang. Kadang-kadang dia cakap *mau* mari tengok saya derma (Pengkaji mendapati Informan T tersenyum dan memandang isterinya yang turut menemani beliau semasa temubual. Ini menggambarkan sokongan yang kuat daripada isteri Informan T kepada aktiviti yang disertai oleh informan). Cukuplah itu bagi saya. Itu pun saya dah rasa seronok sebab rasa macam dia bagi semangat pada saya untuk derma lagi-lagi. Abang ipar pun bagi sokongan juga. (Informan T)

Abang-abang saya antaranya yang suka derma darah, (jadi) bagi saya gambaran itu antara yang bagi semangat lah untuk saya menderma darah juga. Lagi satu, saya ingatkan *kat* orang rumah, kalau minggu ni *tak* sempat nak menderma darah, minggu depan tolong ingatkan. Jadi orang rumah akan ingatkan lah. aa. dia akan (ingatkan). (Informan K)

Dapatan temubual turut mendapati bahawa dorongan untuk seseorang terus menderma darah tidak semestinya perlu berlaku secara langsung (perbualan atau ajakan). Bagi Informan A, jenis pekerjaan beliau

memainkan peranan sebagai pendorong terhadap keinginan menderma darah. Manakala pengalaman Informan F yang menyaksikan keperluan darah kepada pesakit semasa menjalani latihan praktikal di hospital telah mendorong beliau untuk terus menderma darah.

Saya kerja bomba. (Kemalangan) yang saya tengok, banyak mangsa hilang darah, kan. Itu lagi memberi motivasi saya untuk menderma kan. Jadi depan mata lah, tengok orang (kemalangan), selepas itu rasa nak menderma tu lagi menebal la, kan. (Informan A)

Hasil kajian ini mendapati bahawa informan melaporkan bahawa dorongan yang diterima daripada jaringan sosial mereka berlalu dalam konteks yang

nyata (nasihat serta ajakan). Selain itu, dorongan yang tidak nyata seperti pengalaman informan turut menjadi sumber motivasi untuk mengekalkan niat mereka menderma darah.

Tema Pola Dorongan Sosial Sehalu-Eksternal

Berdasarkan temubual ini, pengkaji mendapati bahawa dorongan untuk terus menderma darah turut berlaku dalam konteks sehalu-eksternal. Dalam erti kata lain, dorongan untuk terus menderma darah datang daripada sumber jaringan sosial kepada penderma darah itu sendiri. Jadual 4 merupakan ringkasan pola dorongan sehalu-eksternal yang dilaporkan oleh PDA.

JADUAL 4. Jenis dan Pola Dorongan Sehalu-Eksternal PDA

Informan	Jenis Dorongan				
	Memberi ingatan (lisan) untuk menderma darah.	Memberi galakan atau makluman iklan (lisan, media sosial atau sms) menderma darah.	Menemani menderma darah.	Bawa pergi menderma darah	Dorongan tidak langsung
Pola: Daripada Informan kepada Individu Lain (sehalu-eksternal)					
Informan P	-	√ (rakan) ³	-	-	-
Informan Q	-	√ (rakan) ³	-	-	-
Informan T	-	-	-	√ (anak saudara) ¹	-
Informan L	-	√ (rakan) ³	-	-	-
Informan E	-	√ (rakan) ³	-	-	-
Informan D	-	√ (suami) ²	-	-	-
Informan C	-	-	-	√ (rakan) ²	-
Informan B	-	-	-	√ (rakan) ¹	-

Nota:

- 1 = Penderma Darah
- 2 = Bukan Penderma Darah
- 3 = Umum (Informan tidak menyatakan individu berkenaan Penderma Darah atau tidak)

Temubual kajian turut mendapati Informan E mengakui bahawa beliau terdorong untuk terus menderma darah disebabkan dorongan tidak langsung yang diterima daripada individu umum penderma darah yang tidak dikenali;

Saya pernah nampak seorang lelaki Cina, buku dia sangat buruk, tapi saya nampak dia buka, dah 50 kali dia derma darah. Saya bercadang nak ikut dia. Itulah orang itu, pendorong saya... Saya tak kenal pun orang itu. Cuma saya nampak *bukak* buka, “hai.. dah lima puluh kali dah? Aku pun nak ikutlah” lepas tu saya datang, tiga bulan sekali. (Informan E)

Selain itu, tindakan mendorong individu lain untuk menderma darah bukan sahaja berlaku dalam kalangan jaringan sosial rakan penderma darah, malahan informan dalam kajian ini didapati turut mendorong individu lain, seperti rakan mereka untuk menjadi penderma darah. Bagi Informan D yang menjadikan perkongsian pengalamannya semasa menderma darah sebagai dorongan kepada individu lain untuk menderma darah pertama kali.

Saya selalu (kongsi) *la*. Saya suka kongsi pengalaman masa saya derma darah dengan kawan-kawan dan nasihatkan dia orang, mana-mana yang tak pernah derma tu supaya datang derma darah. (Informan D)

Dapatan ini menunjukkan bahawa aspek pengalaman yang dialami semasa seseorang menderma darah boleh menjadi salah satu daripada faktor dorongan terhadap penglibatan dalam aktiviti menderma darah. Individu yang pernah mendengar pengalaman negatif daripada seseorang yang pernah menderma darah akan mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk tidak menderma darah (Newman et al. 2006). Ini adalah kerana persepsi negatif terhadap aktiviti menderma darah adalah tinggi dalam kalangan bukan penderma darah seperti kerisauan terhadap reaksi pitam, pengsan, atau lemah selepas melakukan aktiviti ini.

Manakala bagi Informan F, Informan L dan Informan E mereka menggunakan medium laman sosial untuk menarik rakan-rakan menderma darah. Misalnya Informan L;

Akhir-akhir ni lah, saya (cuba) promosi dalam facebook saya. kalau dulu saya macam ada suruh kawan-kawan derma juga. Macam kita war-warkan juga. Inisiatif sendiri lah. saya akan cakap, you know “(mari derma darah, mari sebarkan cinta)” saya akan cakap lah, sekarang ni (walaupun) Ahad pun buka. Macam nak (motivasikan) orang. (Informan L)

Sementara Informan G pula yang walaupun mengakui bahawa terdapat kemungkinan bahawa topik perbualan berkaitan pendermaan darah tidak menarik kepada golongan bukan penderma darah, namun beliau mengakui bahawa ada membicarakan topik berkenaan;

Kawan kerja pun saya rasa dia orang tak minat dengan itu menderma darahlah.. tapi (kadang-kadang) kalau kita bual-bual, kita ada cakap juga lah, nak tarik orang menderma darah. (Informan G)

Menurut Informan G, masih terdapat individu yang tidak mahu mencuba aktiviti ini disebabkan oleh perasaan negatif. Pendapat Informan G mengenai persepsi negatif individu bukan penderma darah terhadap aktiviti ini juga didapati sama dengan Informan Q;

(Apa yang saya tahu, kebanyakan kawan saya tidak mahu derma darah sebab mereka tak mahu ada komitmen dengan aktiviti ni. Dengan cara fikir macam tu, apa faedah yang mereka dapat kalau mereka derma darah. Macam tu la cara pemikiran kawan-kawan saya ni). (Informan Q)

Dapatan ini menunjukkan bahawa dorongan PDA kepada individu lain untuk menderma darah bukan suatu tindakan yang mudah kerana perlu berhadapan dengan persepsi negatif bukan penderma darah terhadap aktiviti ini. Bagi Informan C, Informan B dan Informan T, mereka turut menyatakan bahawa ada membawa individu lain untuk menderma darah. Bagi Informan T;

Anak kakak saya dua orang sudah bawa pergi derma dah. Dia orang baru dua kali ada derma...aa..saya ajak lah. (Pertama kali) dia takut lah. (Masa kedua) dia ok lah. Kita kasi darah, dia tengok. Kita bagi dorong la sama mereka. Dua orang anak kakak adik beradik sudah ikut saya.tapi dia belum jadi aktif lah, baru sekali dua lah. (Informan T)

Secara keseluruhan, temubual bersama PDA dalam kajian ini mendapati bahawa wujud beberapa pola dorongan dalam kalangan jaringan sosial sesama penderma darah. Pertama, kajian ini mendapati bahawa pola dorongan dua-hala berlaku dalam jaringan sosial penderma darah. Seterusnya, kajian ini turut mendapati bahawa PDA turut memberikan dorongan kepada individu bukan penderma darah, samaada dalam konteks ahli keluarga, rakan mahupun individu umum. Akhir sekali, kajian ini mendapati bahawa niat menderma darah yang berterusan turut disebabkan oleh dorongan tidak langsung antara individu umum penderma darah dengan informan.

POLA DORONGAN SOSIAL PENDERMA DARAH MAPAN (PDM)

Tema Pola Dorongan Sosial Sehala-Eksternal

Dalam kajian ini, PDM tidak menerima dorongan dwi-hala dalam jaringan sosial mereka. Dalam masa yang sama, kajian ini mendapati pola dorongan kumpulan PDM adalah berbentuk sehala, namun ia berlaku dalam konteks dorongan daripada informan kepada individu lain, dan bukan sebaliknya. Dalam Jadual 5, didapati bahawa dorongan yang diberikan oleh kebanyakan PDM kepada individu lain dalam jaringan sosial mereka adalah daripada segi galakan secara lisan, media sosial atau perkhidmatan pesanan pendek (*short messaging service – sms*) untuk menderma darah.

JADUAL 5. Jenis dan Pola Dorongan Sehala-Eksternal PDM dan Individu dalam Jaringan Sosial

Informan	Jenai Dorongan			
	Memberi ingatan (lisan) untuk menderma darah.	Memberi galakan atau makluman iklan (lisan, media sosial atau sms) menderma darah.	Menemani menderma darah.	Bawa pergi menderma darah
Pola: Daripada Informan kepada individu Lain (sehala-eksternal)				
Informan B	-	√ (Individu umum) ³	-	-
Informan J	-	-	-	-
Informan P	-	√ (rakan) ³	-	-
Informan S	-	√ (anak) ¹	-	√ (anak) ¹

Nota:

1 = Penderma Darah

2 = Bukan Penderma Darah

3 = Umum (Informan tidak menyatakan individu berkenaan Penderma Darah atau tidak)

Dalam temubual ini, didapati bahawa PDM lebih banyak memberi tumpuan terhadap mendorong individu lain untuk menderma darah. Misalnya, bagi Informan S yang menyatakan bahawa beliau pernah mengajak anaknya untuk pergi menderma darah bersama beliau, tetapi tidak menggunakan penekanan yang serius untuk anaknya mengikut jejak beliau sebagai PDM;

Ada juga lah ajak anak menderma darah sekali.. tapi yang (menderma berkala) tak ada lah. Dulu ada bawa dia, dua tiga bulan sekali. Ada dia pergi. Sesekali secara sukarela, kita bawa dia. Jangan kita paksa dia..tanya pada dia, “bapa nak pergi situ (PDN). Nak ikut tak?” aa.. sese kali bawa lah dia. Aaa...dia kata “tak nak”..tak apa lah.. jangan dipaksa. (Informan S)

Selain itu, Informan S turut mengakui bahawa beliau tidak menerima sokongan daripada ahli keluarga untuk mengekalkan niat menderma darah “Dorongan keluarga tak ada. Mereka tak kisah pun. Ada juga la saya ajak ahli keluarga untuk derma darah ni, tapi terpulanglah pada diri masing-masing. Kita nak ajak, bukan nak paksa. Kalau mereka nak ikut satu hari nanti, terpulanglah.” Ketiadaan dorongan daripada ahli keluarga terhadap aktiviti menderma darah juga turut disuarakan oleh Informan J yang memberikan jawapan ringkas “Tiada” apabila ditanya mengenai dorongan untuk kekal menderma darah. Pengkaji mendapati bahawa ekspresi muka Informan J tidak menunjukkan sebarang riak sesal dengan ketiadaan dorongan, sebaliknya jawapan yang diberikan ringkas, di mana menunjukkan keyakinan kepada jawapan yang diberikan.

Walaupun tidak menerima dorongan daripada individu lain untuk mengekalkan niat menderma darah, namun terdapat PDM yang mengakui bahawa mereka ada mendorong individu lain untuk menderma. Bagi Informan L, tindakan mendorong individu lain untuk menderma darah, walaupun turut dilakukan, namun mengakui bahawa fokus untuk menderma darah pada masa akan datang adalah terhadap dirinya. Dapatan ini menunjukkan bahawa bagi individu yang telah lama terlibat dalam aktiviti menderma darah, altruistik dan tumpuan diri (*self-centered*) adalah fokus dalam diri penderma darah. Dalam kajian ini, aspek tumpuan diri mempunyai hubungan dengan pengekaln perasaan positif yang dialami oleh PDM, selain daripada tumpuan terhadap faktor kesihatan diri sendiri. Bagi Informan R;

Kadang-kala saya bagitahu orang lain “pergilah menderma darah, benda ni baik untuk awak” Tapi cara pemikiran mereka ni, macam “kenapa pula saya kena derma darah?”. Saya tak boleh nak paksa mereka. Bagi saya, saya derma. Saya lakukan untuk diri saya. Jaga diri saya baik-baik, dan fikir yang saya buat sesuatu yang baik untuk orang lain. Itu sahaja.

(Informan R)

Kumpulan PDM turut mempersepsikan bahawa tindakan menderma darah yang dilakukan adalah disebabkan faktor keinginan diri sendiri. Bagi Informan

J, aspek keinginan diri sendiri tidak memerlukan dorongan samaada daripada luar mahupun tindakan mendorong orang lain untuk menderma darah. Informan J mempersepsikan bahawa beliau tidak memberikan dorongan kepada individu lain untuk menderma darah dan dalam masa yang sama tidak memerlukan individu lain untuk mendorongnya menderma darah. “Setakat ni tak ada sesiapa yang saya ajak untuk derma darah. Semua saya sendiri. Tak ada dorongan daripada keluarga”. Melalui temubual bersama Informan J ini, pengkaji mendapati bahawa faktor diri sendiri iaitu keikhlasan membantu kepada individu yang memerlukan merupakan pendorong utama yang menyebabkan beliau terus menderma darah;

Keikhlasan ni sebenarnya datang dari hati kita la. Apa tujuan kita menderma darah? Kita tanya pada diri kita. Tujuan kita untuk membantu pada yang memerlukan lah. Sebab kita pun digalakkan membantu pada yang memerlukan, macam saya, saya yang menggalakkan diri sendiri.

(Informan J)

Sementara itu, bagi Informan O, walaupun telah lama terlibat dalam aktiviti menderma darah, beliau turut menyatakan bahawa tindakan beliau mengajak individu lain tidak semestinya akan membuahkan hasil; “Bila kita ajak orang lain menderma darah, dia kata tak nak la.. takut la.. terpulang pada diri sendiri, belum tentu dia nak”. Bagi Informan O, ketiadaan ahli keluarga yang mendorong beliau untuk kekal menderma darah tidak bermakna beliau mengekalkan aktiviti menderma darah dalam konteks diri sendiri sahaja. Dalam temubual, didapati bahawa Informan O ada memberikan dorongan kepada rakan penderma darah untuk bersama-sama menderma darah;

Kadang saya tanya pada kawan yang memang penderma darah ni “kau dah ke belum? Kalau belum, jom, sekali jalan” Pernah ada la sekali jalan tu. Tengok dia pun belum derma lagi masa tu, walaupun tak kerap. Dalam empat orang tu adalah saya ajak derma sekali dengan saya.

(Informan O)

Pola dorongan kumpulan PDM dalam kajian ini lebih bersifat dorongan sehalu-eksternal. Ini adalah kerana dalam temubual ini, PDM cenderung untuk melaporkan bahawa mereka tidak menerima dorongan untuk menderma darah daripada jaringan sosial mereka. Namun, PDM menyatakan bahawa mereka ada memberikan dorongan kepada individu lain dalam jaringan sosial mereka. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan oleh faktor seperti PDM yang merupakan penderma darah yang telah lama menderma darah telah mempunyai identiti yang teguh sebagai penderma darah, mahupun aspek pemikiran mengenai nilai altruism iaitu pengorbanan kepada individu lain. Ini bermakna bahawa semakin lama penglibatan seseorang dalam aktiviti ini, maka identiti sebagai penderma darah nilai positif terhadap aktiviti ini akan menjadi lebih

teguh. Identiti sebagai penderma darah bukan sahaja dilihat dalam konteks peribadi, malahan juga melalui imej sosial (Rise et al. 2010). Justeru itu, dapatan ini mencadangkan bahawa individu PDM tidak memerlukan dorongan dalam bentuk lisan atau ajakan untuk mereka menderma. Sebaliknya, PDM yang cenderung untuk memberikan dorongan kepada individu lain agar menderma darah dilihat sebagai satu mekanisme berbalik (*reverse mechanism*) yang sebenarnya memperkukuhkan niat mereka sendiri untuk menderma darah secara konsisten.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa PDA dan PDM mempunyai pola dorongan yang berbeza terhadap pengekalan niat menderma darah. Pola dorongan kedua-dua kumpulan berbeza daripada segi jenis dorongan yang diterima dan halatuju dorongan. Bagi PDA, dorongan oleh individu luar samaada penderma darah atau bukan penderma darah merangkumi konteks keluarga, rakan mahupun individu secara umum. PDA dalam kajian ini menerima dorongan dalam bentuk ajakan lisan, peringatan mahupun motivasi yang bertindak sebagai agen pengukuh terhadap pengekalan niat menderma darah. Manakala bagi kumpulan PDM, kajian ini telah mendapati bahawa mereka tidak menerima dorongan daripada individu lain dalam sebarang konteks jaringan sosial. Namun, pengekalan PDM dalam aktiviti ini dilihat sebagai kesan daripada tindakan memberikan dorongan kepada individu lain. Tindakan ini dilihat berupaya mengukuhkan aspek-aspek psikologikal penderma darah yang membawa kepada pengekalan niat dan tindakan. Kajian ini memberi implikasi kepada pihak pengurusan bekalan darah bagi mengekalkan keinginan menderma darah dalam kumpulan penderma darah yang berbeza. Secara teoritikal, dapatan ini memberikan implikasi bahawa aspek dorongan sosial penderma darah mempunyai peranan penting terhadap pengekalan niat menderma darah. Namun, pengujian peranan dorongan sosial ke atas aspek-aspek psikologi khusus dalam TTT perlu diteroka pada masa akan datang. Sama ada dorongan daripada penderma darah kepada individu lain, atau sebaliknya, tindakan memberi dan menerima dorongan telah dilihat sebagai kaedah yang berupaya mengekalkan niat terus menderma darah. Tindakan PDM memberikan dorongan kepada individu lain untuk menderma darah memberikan implikasi praktikal kepada pihak pengurusan bekalan darah untuk mengukuhkan dorongan sosial sebagai mekanisme pengekalan niat menderma darah. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai empat limitasi. Limitasi pertama adalah kajian ini hanya mengambil kira pendapat penderma darah daripada tiga kaum utama di Malaysia, iaitu Melayu, Cina dan India. Seterusnya, kajian ini hanya meneroka pendapat peribadi penderma darah melalui temubual. Ini bermakna bahawa dapatan

kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada populasi yang lebih besar. Akhir sekali, penderma darah dalam kajian ini merupakan penderma darah berdaftar di Pusat PDN, Kuala Lumpur yang menunjukkan bahawa dapatan mungkin berbeza jika temubual dijalankan ke atas penderma darah di lokasi pengumpulan bekalan darah yang berlainan. Akhir sekali, temubual hanya dilakukan sekali. Justeru itu dapatan kajian ini tidak dapat mengenalpasti faktor kematangan pengalaman penderma darah. Bagi kajian akan datang, pengkaji menyarankan agar lebih banyak kajian berkaitan dorongan sosial penderma darah dijalankan untuk memberikan gambaran yang lebih jelas berkaitan sumbangan aspek ini terhadap pengekalan niat menderma darah dalam kalangan penderma darah.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah menggunakan peruntukan daripada Dana Penyelidik Muda Universiti Kebangsaan Malaysia (GGPM 2013-013 yang diketuai oleh Dr Chong Sheau Tsuey). Pengumpulan data kajian ini telah mendapat kebenaran etika penyelidikan bertulis daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (No. Kebenaran: NMRR 12-863-13361). Penghargaan terima kasih ditujukan kepada pihak Pusat Darah Negara, Kuala Lumpur serta informan kajian dan individu yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Ajzen, I. 1991. The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes* 50: 179-211.
- Armitage, C.J. & Conner, M. 2001. Social cognitive determinants of blood donation. *Journal of Applied Social Psychology* 31(7):1431-1457.
- France, J.L., France, C.R., Himawan, L.K. 2007. A path analysis of intention to redonate among experienced blood donors: an extension of theory of planned behavior. *Transfusion* 47:1006-1013.
- Glynn, S.A., Kleinman, S.H., Schreiber, G.H., Zuck, T., Mc Combs, S., Bethel, J. & Garratty, G. 2002. Motivations to donate blood: Demographic comparisons. *Transfusion* 42 (2):216-225.
- Godin, G., Conner, M., Sheeran, P. 2007. Determinants of repeated blood donation among new and experienced blood donors. *Transfusion* 47: 1607-1615.
- Gollwitzer, P.M., Heckhausen, H. & Steller, B. 1990. Deliberate and implemental mindsets: Cognitive tuning towards congruous thoughts and information. *Journal of Personality and Social Psychology* 59:1119-1127.
- Lemmens K.P., Abraham C., Hoekstra T. Ruiter, R.A.C., De Kort, W.L.A.M., Brug, J. & Schaalma,

- H.P. 2005. Why don't young people volunteer to give blood? An investigation of the correlates of donation intentions among young nondonors. *Transfusion* 45:945-55.
- Lemmens, K.P.H., Abraham, C., Ruiter, R.A.C., Veldhuizen, I.J.T., Dehing, C.J.G., Bos, A.E.R. & Schaalma, H.P. 2009. Modelling antecedents of blood motivation among non-donors of carrying age and education. *British Journal of Psychology* 100:71-90.
- Mancini, C., Baker, T., Sainju, K.D., Golden, K., Bedard, L.E. & Gertz, M. 2015. Examining External Support Received in Prison and Concerns About Reentry Among Incarcerated Women. *Feminist Criminology* 1-28.
- Masser, B.M., White, K.M., Hyde, M.K., & Terry, D.J. 2008. The psychology of blood donation: Current research and future directions. *Transfusion Medicine Review* 22: 215-233.
- Newman, B. 2006. Iron depletion by whole-blood donation harms menstruating females. *Transfusion* 46:1667-1681.
- Pedersen, O.B., Axel, S., Rostgaard, K., Erikstrup, C., Edgren, G., Nielsen, K.R. 2015. The heritability of blood donation: a population-based nationwide twin study. *Transfusion* 55:2169-2174.
- Redzuan, M., Abd. Rahman, A.R. & Muhamad Nasharudin. N.A. 2012. Pembentukan keupayaan individu dalam kalangan usahawan wanita industri kecil. *Akademika* 82(1): 57-64.
- Rise, J., Sheeran, P. & Hukkelberg, S. 2010. The role of self-identity in the Theory of Planned Behavior: A meta-analysis. *Journal of Applied Social Psychology* 40(5):1085-1105.
- Royse, D. 1999. Exploring ways to retain first-time volunteer blood donors. *Research on Social Work Practice* 9(1):76-85.
- Smith, A., Matthews R. & Fiddler, J. 2013. Recruitment and retention of blood donors in four Canadian cities: an analysis of the role of community and social networks. *Transfusion* 53:180-184.
- Smith, A., Matthews R. & Fiddler, J. 2011. Blood donation and community: Exploring the influence of social capital. *International Journal of Social Inquiry* 4(1): 45-63.
- Veldhuizen, I. J. T, Doggen, C. J., Atsma, D. W. L. 2009. Donor profile demographic factors and their influence on the donor career. *Vox Sanguinis* 97:129-138.
- Veldhuizen, I.J.T. 2010. Thank you! please visit us again'. Reflecting on the donor retention literature – Implications for retention practices. *International Society of Blood Transfusion, ISBT Science Series* 5:196-200.
- Zhang, m. & Yang, C. C. 2015. Using content and network analysis to understand the social support exchange patterns and user behaviors of an online smoking cessation intervention program. *Journal of The Association for Information Science and Technology* 66(3): 564–575.

Juliana Rosmidah Jaafar
 Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 Bangi
 Selangor Darul Ehsan
 E-mail: juliana.rosmidah@gmail.com

Sheau Tsuey Chong (corresponding author)
 Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 Bangi
 Selangor Darul Ehsan
 E-mail: stchong@ukm.edu.my

Asmawati Desa
 Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 Bangi
 Selangor Darul Ehsan
 E-mail: asma@ukm.edu.my

Khadijah Alavi
 Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 Bangi
 Selangor Darul Ehsan
 E-mail:khadijah@ukm.edu.my

Wooi Seong Kam
 Pusat Darah Negara
 Jalan Tun Razak
 50400 Kuala Lumpur
 E-mail:kws78@gmail.com

Received: 6 July 2015
 Accepted: 30 November 2015

